



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**INSENTIF CUKAI BAGI  
SYARIKAT BERSTATUS BIONEXUS**

**KETETAPAN UMUM NO. 8/2018**

**TARIKH PENERBITAN: 9 OKTOBER 2018**



**INSENTIF CUKAI BAGI  
SYARIKAT BERSTATUS BIONEXUS**

**Ketetapan Umum No. 8/2018**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA Tarikh Penerbitan: 9 Oktober 2018**

---

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2018 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pendahuluan	3
5. Syarikat Berstatus BioNexus	3
6. Insentif Cukai	4
7. Elaun Modal / Elaun Bangunan Industri	16
8. Layanan ke atas Kerugian Ditanggung oleh Syarikat Berstatus BioNexus	18
9. Potongan untuk Galakan Eksport	19
10. Potongan untuk Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan	19
11. Ketidakkpakaian	20
12. Penarikan Balik Insentif Cukai	21
13. Pematuhan Akta Cukai Pendapatan 1967	21
14. Penafian Tuntutan	21



**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan layanan cukai berhubung insentif cukai untuk Syarikat Berstatus BioNexus di Malaysia.

## 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan 8.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah seperti berikut:-
  - 2.3.1 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 [P.U.(A) 371/2007];
  - 2.3.2 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 18) 2007 [P.U.(A) 372/2007];
  - 2.3.3 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2009 [P.U.(A) 156/2009]; dan
  - 2.3.4 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri)(Syarikat Berstatus *BioNexus*) 2007 [P.U. (A) 374/2007].

## 3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:-

- 3.1 "Bermastautin" bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) seperti yang ditentukan di bawah seksyen 8 ACP.
- 3.2 "Pendapatan bercukai" berhubung dengan seseorang dan tahun taksiran, bermaksud pendapatan bercukai yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.3 "Pendapatan berkanun" berhubung dengan seseorang, punca dan tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.4 "Pendapatan larasan" berhubung dengan punca dan tempoh asas, bermaksud pendapatan larasan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.5 "Perbelanjaan bangunan yang layak" ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pembinaan atau pembelian bangunan di bawah perenggan 3 Jadual 3 Akta tetapi tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan-bangunan yang digunakan untuk penyimpanan atau sebagai

tempat kediaman yang diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya bagi kegunaan pengarah atau individu yang menjadi ahli pihak pengurusan, pentadbiran atau pekerja perkeranian.

- 3.6 “Perbelanjaan modal yang layak” ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan atas suatu aset yang digunakan di Malaysia bagi maksud perniagaan baharu atau projek pembesaran, mengikut mana-mana yang berkenaan:-
- (a) berhubung dengan pengilangan atau penyelidikan berasaskan pengilangan, kilang, bangunan yang digunakan bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan loji dan jentera; atau
  - (b) berhubung dengan pertanian atau penyelidikan berasaskan pertanian, pembersihan dan penyediaan tanah, menanam tanaman (penanaman pertama atau penanaman tanaman percubaan), penyediaan sistem pengairan atau saluran, penyediaan loji dan jentera, pembelian atau pembinaan suatu bangunan yang digunakan bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan, atau aktiviti pertanian (termasuk bangunan yang disediakan untuk kebajikan atau tempat kediaman orang-orang yang bekerja di ladang), pembinaan jalan akses, jambatan dan apa-apa penambahbaikan struktur tetap atas tanah yang terbentuk sebagai sebahagian daripada tanah yang digunakan bagi perniagaan itu:

Dengan syarat bahawa perbelanjaan modal yang layak itu tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas bangunan yang digunakan sebagai tempat kediaman, loji dan jentera yang disediakan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau individu yang menjadi anggota pihak pengurusan, pentadbiran atau pekerja perkeranian.

- 3.7 “Perniagaan baharu” bermaksud perniagaan pertama diluluskan yang dijalankan oleh suatu syarikat berstatus BioNexus.
- 3.8 “Projek pembesaran” bermaksud projek yang dijalankan oleh syarikat berstatus Bionexus dalam memperluaskan perniagaan sedia ada yang diluluskan dan perniagaan itu:-
- (a) tidak diberikan (atau, untuk tujuan P.U. (A) 374/2007, telah diberikan) pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 [P.U.(A) 371/2007] atau Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 18) 2007 [P.U.(A) 372/2007]; dan
  - (b) melibatkan pelaburan baharu.
- 3.9 “Sains hayat” ertinya mana-mana daripada beberapa cabang sains, seperti biologi, perubatan, antropologi atau ekologi, yang berurusan dengan organisma hidup dan organisasinya, proses kehidupannya, dan hubungan di antara satu sama lain dan alam sekitarnya.

- 3.10 “Syarikat Berstatus BioNexus” (SBB) bermaksud syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 yang terlibat dalam perniagaan sains hayat.

#### **4. Pendahuluan**

Dasar Bioteknologi Kebangsaan (DBK) telah dilancarkan pada tahun 2005 untuk pembangunan lestari bioteknologi di Malaysia. Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation), yang dahulunya dikenali sebagai Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd, ditubuhkan sebagai agensi pelaksana khusus dan profesional untuk:-

- (a) mengawasi pembangunan industri bioteknologi Malaysia, di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI);
- (b) memberi tumpuan untuk menarik pelaburan, mencari peluang perkongsian dan menyokong usahawan bioteknologi tempatan dalam penubuhan perniagaan mereka; dan
- (c) menyediakan pembiayaan kepada Syarikat Berstatus BioNexus di bawah Program Kemudahan Dana Pengkomersialan Bioteknologi.

#### **5 Syarikat Berstatus BioNexus**

##### **5.1 Status BioNexus**

Status BioNexus adalah status istimewa yang diberikan kepada syarikat bioteknologi antarabangsa dan tempatan yang berkelayakan yang menjalankan aktiviti bioteknologi bernilai tambah atau sains hayat. Sebuah syarikat yang telah dianugerahkan status BioNexus akan dapat menikmati insentif fiskal, bantuan dana dan jaminan lain untuk membantu pertumbuhan syarikat tersebut.

##### **5.2 Permohonan untuk status BioNexus dan insentif cukai**

Semua permohonan untuk Status BioNexus dan insentif cukai mesti dikemukakan kepada Bioeconomy Corporation. Bioeconomy Corporation telah diamanahkan untuk menilai dan mengesahkan permohonan untuk insentif cukai untuk SBB mengikut peraturan cukai pendapatan dan perintah pengecualian yang berkaitan. Status BioNexus dan insentif pengecualian cukai tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Untuk maklumat lanjut tentang Bioeconomy Corporation dan Garis Panduan Pendaftaran SBB, sila rujuk laman web Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd di [www.bioeconomycorporation.my](http://www.bioeconomycorporation.my).

### 5.3 Insentif untuk SBB

#### (a) Pengecualian cukai untuk SBB yang diluluskan

Seseorang syarikat pemastautin di Malaysia yang telah diluluskan sebagai SBB dikecualikan daripada pembayaran cukai, berkaitan dengan perniagaan baharu atau projek pembesaran sama ada berkenaan dengannya:-

- (i) pendapatan berkanun di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 [P.U. (A) 371/2007]; atau
- (ii) pendapatan berkanun bersamaan dengan elaun 100% perbelanjaan modal yang layak (PYL) yang dilakukan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 18) 2007 [P.U. (A) 372/2007]

untuk beberapa tahun taksiran (TT) yang dinyatakan mengikut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) yang dinyatakan di atas.

#### (b) Lanjutan pengecualian

Selepas TT yang dikecualikan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5.3(a) di atas telah berakhir, SBB yang diluluskan boleh diberi pengecualian cukai lebih lanjut ke atas pendapatan berkanunnya dari perniagaan yang diluluskan untuk tempoh 10 TT berturut-turut di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2009. Pendapatan berkanun yang dikecualikan dikira berdasarkan formula.

#### (c) Elaun bangunan industri

SBB boleh menuntut elaun bangunan industri bagi bangunan yang digunakan hanya untuk aktiviti kelayakan pada kadar 10% setahun di bawah Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Syarikat Berstatus BioNexus) 2007.

## 6. Insentif Cukai

### 6.1 Pengecualian Cukai ke atas Pendapatan Berkanun

Seorang pemastautin syarikat di Malaysia yang terlibat dalam perniagaan sains hayat dan diluluskan sebagai SBB boleh menikmati pengecualian cukai berhubung dengan:-

- (a) perniagaan baharu, untuk tempoh sepuluh TT berturut-turut, berkenaan dengan pendapatan berkanun bermula dari TT pertama di mana



syarikat itu memperoleh pendapatan berkanun dari perniagaan baharu; atau

- (b) projek pembesaran, untuk tempoh lima TT berturut-turut, dikenakan dengan pendapatan berkanun dari perniagaan sedia ada yang diluluskan dan projek pembesaran, bermula dari TT pertama di mana syarikat itu memperoleh pendapatan berkanun dari perniagaan sedia ada yang diluluskan dan projek pembesaran, dan TT pertama tidak akan lebih awal daripada TT yang berkaitan dengan tempoh asas di mana jatuhnya tarikh kelulusan Menteri.

Walau bagaimanapun, pengecualian untuk projek pembesaran hanya diberikan jika syarikat itu tidak diberikan pengecualian untuk perniagaan sedia ada yang diluluskan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 18) 2007 [P.U. (A) 372/2007] dan perniagaan itu melibatkan pelaburan baharu.

(sepuluh TT berturut-turut atau lima TT berturut-turut dirujuk sebagai "TT dikecualikan").

Untuk tujuan KU ini, "pelaburan baharu" bermaksud pelaburan modal tambahan bagi aktiviti bioteknologi sedia ada yang akan meningkatkan kapasiti pengeluaran sedia ada atau menghasilkan produk berkaitan dalam industri yang sama.


Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk kepada Garis Panduan mengenai Insentif yang Diberikan kepada SBB yang dikeluarkan oleh Bioeconomy Corporation.

#### **A. Senario bagi Perniagaan Baharu**

##### **Contoh 1: Syarikat memulakan perniagaan**

XLR8 Agro Sdn Bhd memulakan perniagaannya pada tahun 2010 dan memperoleh Status BioNexus dalam TT 2010. Syarikat itu memperoleh pendapatan berkanun (PB) yang pertama pada TT 2013. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan**




Oleh kerana XLR8 Agro Sdn Bhd memperoleh PB dari perniagaan baharunya untuk kali pertama dalam TT 2013, 10 TT dikecualikan berturut-turut bermula dari TT 2013 hingga TT 2022. Pasca TT dikecualikan adalah dari TT 2023 dan seterusnya.

**Contoh 2 : Syarikat memulakan perniagaan bukan bioteknologi dan seterusnya menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam aktiviti bioteknologi yang diluluskan**

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1 kecuali XLR8 Agro Sdn Bhd tidak terlibat dalam sebarang aktiviti bioteknologi yang diluluskan. Pada tahun 2011, syarikat itu menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi aktiviti bioteknologi yang diluluskan dan memohon status BioNexus yang diberikan dalam TT 2012. Aktiviti bioteknologi yang diluluskan layak sebagai perniagaan baharu dan syarikat itu memperoleh PB pertama dalam TT 2013.

TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan




Oleh kerana XLR8 Agro Sdn Bhd memperoleh PB dari perniagaan bioteknologi baharunya untuk kali pertama dalam TT 2013, oleh itu 10 TT dikecualikan berturut-turut bermula dari TT 2013 hingga TT 2022. Pasca TT dikecualikan adalah dari TT 2023 dan seterusnya.

**Contoh 3: Syarikat memulakan aktiviti bioteknologi yang diluluskan dan seterusnya menjalankan aktiviti bioteknologi tambahan yang baharu**

Fakta yang sama seperti Contoh 1 kecuali XLR8 Agro Sdn Bhd tidak diberi status BioNexus pada tahun 2010 kerana ia tidak memohon status tersebut. Pada tahun 2012, syarikat itu menjalankan aktiviti bioteknologi tambahan baharu dan memohon status BioNexus. Syarikat itu telah diberikan status BioNexus pada tahun yang sama. Aktiviti bioteknologi tambahan baharu yang tidak berkaitan dengan aktiviti bioteknologi yang sedia ada merupakan perniagaan pertama yang diluluskan dan layak sebagai perniagaan baharu. Syarikat ini memperoleh PB pertama dalam TT 2013.

**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan**




Oleh kerana XLR8 Agro Sdn Bhd, sebuah SBB memperoleh PB dari perniagaan bioteknologi baharunya untuk kali pertama dalam TT 2013, 10 TT dikecualikan berturut-turut bermula dari TT 2013 hingga TT 2022. Pasca TT dikecualikan adalah dari TT 2023 dan seterusnya.

**B. Senario bagi Projek Pembesaran**

**Contoh 4: Syarikat memulakan aktiviti bioteknologi yang diluluskan dan seterusnya mengembangkan aktiviti bioteknologi yang sedia ada**

Chromos Industries Sdn Bhd memulakan perniagaannya pada tahun 2010 dan terlibat dalam aktiviti bioteknologi yang diluluskan. Pada 2014, syarikat memperluaskan aktiviti bioteknologi dan memohon status BioNexus. Syarikat itu telah mendapat status BioNexus pada tahun yang sama. Pembesaran aktiviti bioteknologi sedia ada merupakan projek pembesaran dan layak untuk pengecualian berkaitan dengan PB dari perniagaan dan projek pembesaran sedia ada yang diluluskan. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat itu memperoleh PB pertamanya dalam TT 2014.

**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan**



Oleh kerana syarikat itu memperoleh PB dari perniagaan yang diluluskan dan projek pembesaran dari TT 2014, oleh itu 5 TT berturut-turut bermula dari TT 2014 hingga TT 2018. Pasca TT dikecualikan adalah dari TT 2019 dan seterusnya.

**6.2 Pengecualian Cukai ke atas Pendapatan Berkanun Bersamaan Dengan Elaun 100% Perbelanjaan Modal Yang Layak**

Sebuah syarikat pemastautin di Malaysia yang terlibat dalam perniagaan aktiviti bioteknologi dan diluluskan sebagai SBB boleh menikmati pengecualian cukai berkenaan dengan pendapatan berkanun dari perniagaan baharu atau projek pembesaran, yang bersamaan dengan elaun 100% PYL ditanggung dalam tempoh asas untuk TT dalam tempoh lima tahun.

Tarikh permulaan tempoh pengecualian ditentukan oleh Bioeconomy Corporation dan berkaitan dengan:-

- (a) perniagaan baharu, tarikh PYL pertama telah ditanggung dan tarikh itu -
  - (i) tidak lebih awal daripada 1.5.2005; atau
  - (ii) tiga tahun dari tarikh kelulusan sebagai SBB;

yang mana kemudiannya; atau


- (b) projek pembesaran, pada tarikh perbelanjaan modal yang layak pertama telah ditanggung dan tarikh itu tidak lebih awal dari tarikh permohonan diterima oleh Bioeconomy Corporation.

Walau bagaimanapun, pengecualian untuk projek pembesaran hanya diberikan jika syarikat itu tidak diberikan pengecualian untuk perniagaan yang diluluskan yang sedia ada di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 [P.U. (A) 371/2007] dan perniagaan itu melibatkan pelaburan baharu.

**Contoh 5 : Perniagaan baharu melakukan perbelanjaan modal**

Fakta yang sama seperti Contoh 3 tetapi XLR8 Agro Sdn Bhd tidak memohon dan tidak diberi pengecualian cukai di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 [P.U. (A) 371/2007]. Syarikat telah melakukan perbelanjaan modal berjumlah RM500,000 pada 1.4.2012. Syarikat memohon status Bionexus dan pengecualian cukai di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 18) 2007 [P.U. (A) 372/2007] pada 15.4.2012 dan telah diluluskan pada 1.5.2012. Bioeconomy Corporation menentukan tarikh PYL pertama berlaku pada 1.4.2012.


**Tempoh Pengecualian**



Oleh kerana Bioeconomy Corporation telah menentukan tarikh PYL pertama yang dilakukan adalah 1.4.2012, elaun 100% PYL terhadap pendapatan berkanun diberikan untuk tempoh lima tahun iaitu dari 1.4.2012 hingga 31.3.2017. Oleh kerana 1.4.2012 jatuh dalam tempoh asas untuk TT 2012, oleh itu tempoh pengecualian jatuh dalam tempoh TT 2012 hingga 2017.

**Contoh 6: Projek pembesaran**

Fakta yang sama seperti Contoh 4 tetapi Chromos Industries Sdn Bhd tidak diberi pengecualian cukai di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 [P.U. (A) 371/2007]. Syarikat memohon pengecualian cukai di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 18) 2007 [P.U. (A) 372/2007] pada 15.2.2012 dan telah diluluskan pada 1.3.2012. Syarikat telah melakukan perbelanjaan modal berjumlah RM600,000 pada 1.2.2014. Bioeconomy Corporation menentukan tarikh PYL pertama yang dilakukan pada 1.2.2014.



Oleh kerana Bioeconomy Corporation telah menentukan tarikh PYL pertama yang dilakukan adalah 1.2.2014, elaun 100% PYL terhadap pendapatan berkanun diberikan untuk tempoh lima tahun iaitu dari 1.2.2014 hingga 31.1.2019. Oleh kerana 1.2.2014 jatuh dalam tempoh asas untuk TT 2014, oleh itu tempoh pengecualian jatuh dalam tempoh TT 2014 hingga 2019.

**Contoh 7**

ABJZ Sdn Bhd (ABJZ) menjalankan aktiviti bioteknologi yang diluluskan dengan memperolehi loji dan jentera pada 1.4.2012. ABJZ memohon status BioNexus pada 2.1.2014. Syarikat itu mendapat kelulusan sebagai sebuah SBB dan pengecualian cukai di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 18) 2007 [P.U. (A) 372/2007] pada 1.6.2014. Tempoh penyata kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Bioeconomy Corporation menentukan tarikh permulaan perniagaan syarikat pada 1.3.2014 dan tarikh PYL pertama berlaku pada 1.4.2012.

ABJZ menanggung perbelanjaan modal seperti berikut:-



	<b>Butiran</b>	<b>TT 2012 RM</b>	<b>TT 2013 RM</b>	<b>TT 2014 RM</b>
a.	Loji & Jentera	2,100,000	3,000,000	2,000,000
b.	Perabot dan kelengkapan	100,000	50,000	20,000
c.	Kenderaan	300,000	250,000	200,000
	<b>Jumlah</b>	<b>2,500,000</b>	<b>3,300,000</b>	<b>2,220,000</b>

Pendapatan larasan ABJZ adalah seperti berikut:-

<b>Butiran</b>	<b>TT 2014 RM</b>	<b>TT 2015 RM</b>	<b>TT 2016 RM</b>
Pendapatan larasan /(kerugian)	(2,500,000)	6,250,000	7,000,000
Elaun modal	364,000	580,000	324,000

**Pengiraan Pendapatan Bercukai**

<b>Butiran</b>	<b>RM</b>	<b>TT 2014 RM</b>	<b>TT 2015 RM</b>	<b>TT 2016 RM</b>
Pendapatan larasan / (kerugian)		(2,500,000)	6,250,000	7,000,000
Elaun modal – b/h		-	364,000	-
- semasa		-	580,000	324,000
Pendapatan berkanun		-	5,306,000	6,676,000
<b>(-) Perbelanjaan modal layak bagi tujuan pengecualian (*)</b>			<b>5,306,000</b>	<b>1,794,000</b>
<b>Pendapatan berkanun</b>		-	-	<b>4,882,000</b>
<b>Cukai kena dibayar @ 24%</b>		-	-	<b>1,171,680</b>
Baki b/h			7,100,000	1,794,000
1. Loji & Jentera (2012)*	2,100,000			
2. Loji Jentera (2013)*	3,000,000	5,100,000	-	-
(+) tahun semasa				
1. Loji & Jentera		2,000,000		
(-) diserap		-	5,306,000	1,794,000
Baki h/h		7,100,000	1,794,000	-

Nota: (\*) – perbelanjaan modal layak dianggap dilakukan dalam TT 2014(perniagaan bermula).

Oleh kerana Bioeconomy Corporation telah menentukan tarikh PYL pertama yang dilakukan adalah 1.4.2012, elaun 100% PYL terhadap pendapatan berkanun diberikan untuk tempoh lima tahun iaitu dari 1.4.2012 hingga 31.3.2017. Oleh kerana 1.4.2012 jatuh dalam tempoh asas untuk TT 2012, oleh itu tempoh pengecualian jatuh dalam tempoh TT 2012 hingga 2017.

### 6.3 Lanjutan Pengecualian Cukai ke atas Pendapatan Berkanun

SBB yang telah menikmati sama ada pengecualian pendapatan berkanun atau pendapatan berkanun yang bersamaan dengan elaun 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang ditanggung semasa tempoh pengecualian boleh menikmati insentif selanjutnya. SBB boleh dilanjutkan pengecualian daripada pembayaran cukai pendapatan dengan tertakluk kepada cukai pada kadar bersamaan dengan 20% berkaitan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan yang diluluskan (perniagaan baharu atau projek pembesaran) untuk tempoh sepuluh (10) TT berturut-turut selepas tamat tempoh pengecualian. Pendapatan berkanun dikecualikan ditentukan mengikut formula berikut:-

$$\frac{A \times C}{B}$$

Di mana:

A adalah amaun cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai syarikat yang diluluskan daripada aktiviti yang layak pada kadar cukai semasa yang dikurangkan dengan jumlah cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar dua puluh peratus;

B ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada aktiviti yang layak pada kadar cukai semasa; dan

C ialah jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada aktiviti yang layak.

Pendapatan berkanun dikecualikan ditentukan selepas menolak elaun yang jatuh di bawah Jadual 3 ACP walaupun tiada tuntutan untuk elaun sedemikian telah dibuat.


Sekiranya aset digunakan untuk tujuan aktiviti kelayakan turut digunakan untuk tujuan perniagaan selain aktiviti kelayakan, maka elaun yang tertakluk di bawah Jadual 3 ACP akan ditolak secara munasabah dengan mengambil kira sejauh mana aset tersebut digunakan untuk tujuan perniagaan yang diluluskan.

Pendapatan bercukai berhubung dengan aktiviti kelayakan bagi TT ialah pendapatan berkanun selepas menolak kerugian yang dibawa ke hadapan berhubung dengan aktiviti itu [subseksyen 43(2) ACP].

**Contoh 8**

CPCB Sdn Bhd (CPCB) ialah sebuah SBB dan tempoh pengecualian CPCB di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 [P.U.(A) 371/2007] tamat pada TT 2022. CPCB telah mendapat kelulusan lanjutan pengecualian cukai i.e kadar cukai konsesi di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2009 [P.U.(A) 156/2009] daripada Menteri Kewangan melalui perakuan Bioeconomy Corporation bermula TT 2023.

**TT Dikecualikan dan Lanjutan TT Dikecualikan**



Pendapatan larasan CPCB adalah seperti berikut:-

Butiran	TT 2023 RM	TT 2024 RM	TT 2025 RM
Pendapatan larasan /(kerugian)	2,500,000	3,250,000	5,000,000
Elaun modal	100,000	250,000	200,000

**Pengiraan Pendapatan Bercukai**

Butiran	TT 2023 RM	TT 2024 RM	TT 2025 RM
Pendapatan larasan	2,500,000	3,250,000	5,000,000
Elaun modal	100,000	250,000	200,000
Pendapatan berkanun	2,400,000	3,000,000	4,800,000
<b>Pengecualian cukai *</b>	<b>400,000</b>	<b>500,000</b>	<b>800,000</b>
Pendapatan bercukai	2,000,000	2,500,000	4,000,000
<b>Cukai kena dibayar @ 24%</b>	<b>480,000</b>	<b>600,000</b>	<b>960,000</b>

**Nota (\*) [Kadar cukai semasa ialah 24%]:-**

**a) TT 2023**

$$\frac{[(RM2.4\text{juta} \times 24\%) - (RM2.4\text{juta} \times 20\%)]}{RM2.4\text{juta} \times 24\%} \times RM2.4\text{juta} = RM400,000$$

**b) TT 2024**

$$\frac{[(RM3.0\text{juta} \times 24\%) - (RM3.0\text{juta} \times 20\%)]}{RM3.0\text{juta} \times 24\%} \times RM3.0\text{juta} = RM500,000$$

**c) TT 2025**

$$\frac{[(RM4.8\text{juta} \times 24\%) - (RM4.8\text{juta} \times 20\%)]}{RM4.8\text{juta} \times 24\%} \times RM4.8\text{juta} = RM800,000$$

**7. Elaun Modal / Elaun Bangunan Industri**

**7.1 Elaun modal**

Pendapatan berkanun perniagaan baharu atau projek pembesaran dalam tempoh asas untuk setiap TT dikecualikan akan ditentukan selepas menolak elaun modal walaupun tiada tuntutan untuk elaun sedemikian telah dibuat.

Di mana aset yang digunakan untuk tujuan perniagaan baharu atau projek pembesaran, mengikut mana yang berkenaan, juga digunakan untuk tujuan perniagaan selain daripada perniagaan baharu atau projek pembesaran, maka elaun modal akan ditolak sebagaimana wajar dengan mengambil kira sejauh mana aset tersebut digunakan untuk tujuan perniagaan baharu yang disebut dahulu atau projek pembesaran.

Jika ketiadaan atau kekurangan pendapatan larasan untuk suatu TT, jumlah elaun tidak diserap boleh dibawa ke hadapan dan ditolak dalam:-

- (a) TT berikutnya yang pertama syarikat itu mempunyai pendapatan berkanun daripada perniagaan baharu atau projek pembesaran; dan
- (b) TT berikutnya sehingga jumlah tersebut digunakan sepenuhnya.

## 7.2 Elaun bangunan industri

SBB juga boleh menuntut elaun bangunan industri (EBI) pada kadar 10% ke atas perbelanjaan bangunan yang layak yang ditanggung dalam tempoh asas untuk TT [Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Syarikat Status BioNexus) 2007 (P.U. (A) 374/2007)].

Sekiranya perbelanjaan bangunan yang layak dilakukan sebelum memulakan perniagaan baharu atau projek pembesaran baharu, ia akan dianggap dilakukan pada tarikh permulaan projek.

Tarikh perbelanjaan bangunan kelayakan pertama yang dilakukan ditentukan oleh Bioeconomy Corporation dan tarikhnya tidak lebih awal dari 2.9.2006.

Jika perbelanjaan modal yang layak SBB ditanggung ke atas aset atau bangunan industri yang digunakan untuk tujuan perniagaan baharu atau projek pembesaran dan asetnya dilupuskan pada bila-bila masa dalam masa dua tahun dari tarikh pembelian aset itu, amaun elaun dibenarkan bagi aset atau bangunan industri itu akan ditarik balik pada tahun pelupusan.

### Contoh 9

Pada 15.04.2015, Ingrid Research Sdn Bhd (IRSB) telah dikurniakan insentif sebagai sebuah SBB dan tarikh permulaan perniagaan bagi IRSB ialah pada 19.10.2015. Pada 20.01.2014, IRSB telah membeli sebuah bangunan makmal yang lengkap dengan peralatan bernilai RM3.5 juta untuk digunakan sepenuhnya untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Akaun IRSB ditutup pada setiap 31 Disember. Pada 31.12.2016, IRSB melupuskan bangunan itu pada harga RM5.0 juta.

Pengiraan EBI adalah bermula TT 2015 (tahun permulaan perniagaan) sebanyak RM350,000 (10% x RM3.5 juta). Perbelanjaan bangunan yang layak disifatkan telah dilakukan dalam TT 2015 apabila perniagaan bermula.

Bagi TT 2016, IRSB tidak layak menuntut EBI. EBI yang telah dibenarkan pada TT 2015 ditarik balik dan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan berkanun IRSB (dengan mengenakan kenaan imbalan pada TT 2016, iaitu tahun di mana bangunan itu dilupuskan).


**8. Layanan ke atas Kerugian Ditanggung oleh Syarikat Berstatus Bionexus**

Apa-apa kerugian yang ditanggung sebelum TT dikecualikan bermula (iaitu selepas bermulanya perniagaan baharu atau projek pembesaran) dan dalam tempoh pengecualian, boleh dibawa ke TT selepas tempoh pengecualian berakhir dan akan ditolak dari pendapatan berkanun projek perniagaan baharu atau pembesaran sehingga ia diserap sepenuhnya.

Layanan atas kerugian yang dibawa ke hadapan di bawah Seksyen 43(2) dan kerugian tahun semasa di bawah Seksyen 44(2) ACP tidak terpakai bagi SBB berhubung dengan kerugian yang telah ditolak.

**Contoh 10**

**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan**



Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1. Kerugian terkumpul sebanyak RM3,000 (TT 2010 hingga TT 2012) sebelum TT dikecualikan dan kerugian RM1,000 (TT 2015) yang ditanggung semasa TT dikecualikan boleh dibawa ke hadapan ke pasca TT dikecualikan. Kerugian terkumpul sebanyak RM4,000 akan ditolak terhadap pendapatan berkanun dari TT 2023.

## 9. Potongan bagi Penggalakan Eksport

Apa-apa perbelanjaan hasil di bawah seksyen 33 ACP yang dilakukan berhubung dengan penggalakan eksport di bawah seksyen 41 Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 (APP) adalah layak diberi potongan dalam TT perbelanjaan tersebut dilakukan.

Bagi tujuan insentif cukai SBB, perbelanjaan hasil di bawah seksyen 33 ACP berhubung dengan penggalakan eksport yang tersenarai di bawah seksyen 41 APP layak diberi potongan tambahan dan hendaklah dikumpul untuk diserap dalam TT selepas tempoh pengecualian cukai tamat.

### Contoh 11

Alexis Sdn Bhd telah diberikan status BioNexus untuk perniagaan baharu pada 1 Januari 2014. Tempoh pengecualian cukai 10 tahun bermula pada TT 2014 dan akan berakhir pada TT 2023. Syarikat layak mendapat potongan perbelanjaan untuk penggalakan eksport di bawah Seksyen 41 APP seperti berikut:

<b>TT</b>	<b>RM</b>
2015	25,000
2017	50,000
2021	15,000
<b>Jumlah</b>	<b>90,000</b>

Syarikat dibenarkan untuk membuat potongan amaun-amaun di atas di bawah seksyen 33 ACP dalam TT yang berkenaan. Jumlah terkumpul potongan tambahan sebanyak RM90,000 boleh digunakan dalam TT 2024, iaitu TT pertama selepas tempoh pengecualian dan TT seterusnya sehingga amaun tersebut diserap sepenuhnya.

## 10. Potongan bagi Perbelanjaan Penyelidikan dan Kemajuan

Apa-apa perbelanjaan penyelidikan yang dilakukan berhubung dengan aktiviti penyelidikan dan kemajuan (R&D) yang diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 34A ACP adalah layak diberi potongan dua kali dan hendaklah dituntut dalam TT perbelanjaan tersebut dilakukan.

Bagi tujuan insentif cukai SBB, potongan atas perbelanjaan penyelidikan hendaklah dikumpul dan layak diberi potongan dalam TT selepas tempoh pengecualian cukai tamat. Ini untuk memastikan manfaat daripada potongan cukai dapat dinikmati oleh SBB kerana potongan yang diberikan dalam TT selepas tamat tempoh pengecualian akan mengurangkan pendapatan larasan TT tersebut. Walau bagaimanapun, amaun perbelanjaan yang layak diberi potongan hanya bersamaan dengan amaun perbelanjaan penyelidikan yang dilakukan.

### **Contoh 12**

Binbai Sdn Bhd diberikan status BioNexus pada 1 Januari 2013. Tempoh pengecualian cukai bermula pada TT 2013 dan akan berakhir pada TT 2022.

Syarikat telah melakukan perbelanjaan untuk aktiviti penyelidikan dan kemajuan yang diluluskan oleh Menteri seperti berikut:-

<b>TT</b>	<b>RM</b>
2015	35,000
2017	10,000
2021	15,000
<b>Jumlah</b>	<b>60,000</b>

Syarikat tidak dibenarkan untuk menuntut amaun-amaun di atas dalam TT yang berkenaan. Jumlah terkumpul sebanyak RM60,000 boleh digunakan dalam TT 2023, iaitu TT pertama selepas tempoh pengecualian dan TT seterusnya.

### **11. Ketidapkakaian**

Insentif cukai di bawah P.U. (A) 371/2007 dan P.U. (A) 372/2007 ini tidak terpakai kepada:-

- (a) suatu perniagaan baharu atau suatu projek pembesaran, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang bermula selepas satu tahun dari tarikh kelulusan atau selepas tempoh lanjutan lain yang diluluskan oleh Menteri;
- (b) suatu syarikat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran telah diberikan:-
  - i. potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun bagi Peningkatan Eksport) 1999 [P.U. (A) 128/1999];
  - ii. potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai pendapatan (Potongan bagi Kos Mengambil Alih Syarikat Milik Asing) 2003 [P.U. (A) 310/2003];
  - iii. potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan) 2006 [P.U. (A) 55/2006];
  - iv. pengecualian atas nilai peningkatan eksport di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2005 [P.U. (A) 158/2005];
  - v. elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A Akta;
  - vi. mana-mana insentif (kecuali potongan bagi penggalakan eksport) di bawah



Akta Penggalakan Pelaburan 1986;

- vii. pengecualian bagi projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2006 [P.U. (A) 51/2006];
- viii. pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 40) 2005 [P.U. (A) 307/2005];
- ix. pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 41) 2005 [P.U. (A) 308/2005];
- x. pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 42) 2005 [P.U. (A) 309/2005];
- xi. pengecualian bagi syarikat modal teroka di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2005 [P.U. (A) 75/2005];
- xii. potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Syarikat Teroka) 2005 [P.U. (A) 76/2005]; atau
- xiii. potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2007 [P.U. (A) 373/2007].

## **12. Penarikan Balik Insentif Cukai**

Sekiranya SBB gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, Menteri Kewangan berhak menarik balik semua potongan yang telah diberikan.

## **13. Pematuhan Akta Cukai Pendapatan 1967**

Syarikat yang diluluskan tidak dibebaskan daripada mematuhi sebarang keperluan untuk mengemukakan sebarang penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan ACP.

## **14. Penolakan Tuntutan**

Contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**